

Surayud mahu guna kaedah Pak Lah

Oleh Kadir Dikoh
dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont akan menggunakan kaedah keamanan dan mendapatkan nasihat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menyelesaikan konflik di selatan negara itu.

Pendirian Surayud disambut baik Abdullah yang berharap hasrat itu menjadi kenyataan tetapi mengingatkan bahawa Malaysia tidak berhasrat mencetuskan masalah di wilayah itu.

"Saya akan cuba bercakap dengan seberapa ramai orang termasuk pemimpin Islam, malahan kanak-kanak yang bersekolah di Selatan Thai-

land," katanya dalam sidang akhbar bersama Abdullah selepas mesyuarat kedua-dua pihak di sini, semalam.

Surayud mengadakan lawatan sehari diiringi 14 anggota delegasi termasuk enam anggota Kabinet. Beliau berlepas pulang selepas jamuan malam yang dihoskan Abdullah di sebuah hotel malam tadi.

Abdullah pula berkata, isu Selatan Thailand adalah agenda utama perbincangan dengan isu lain akan dibincangkan dalam pertemuan tidak rasmi ketika mesyuarat peringkat Asean selepas ini.

Bagaimanapun, beliau mengulangi harapan bahawa keamanan akan dicapai bagi membolehkan rakyat Islam Thailand hidup harmoni ber-

sama penganut pelbagai agama lain.

Beliau berkata, tindakan menyeberangi sempadan Malaysia-Thailand oleh penduduk yang tinggal di kawasan sempadan tidak harus diterjemahkan sebagai Malaysia berhasrat campur tangan.

"Bukannya niat mencetuskan sebarang masalah di Selatan Thailand. Tetapi perbuatan menyeberangi sempadan memang biasa untuk mengunjungi rakan dan saudara mara," katanya.

Pada sidang akhbar berasingan kemudian, Abdullah berkata soal Thailand meminta Malaysia mengeskradisi pemimpin kanan kumpulan pemisah yang melarikan diri setahun lalu atas alasan bimbang dibunuh

tentera tidak dibincangkan.

"Jika rakyat Thailand yang ada di sini rasa selesa nak balik ke Thailand, balikkah dengan aman dan selamat. Jika mereka rasa nak tinggal untuk beberapa waktu di Malaysia, maka pada dia (Surayud) itu tiada hal, asalkan kita sudi membenarkan mereka tinggal di negara kita," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Najib Razak, berkata Surayud mencari penyelesaian politik menunjukkan tanda positif kerajaan Thailand mahu menangani isu wilayah selatan.

Najib berkata, Surayud memberi petunjuk bahawa beliau mengenali pemimpin di Selatan Thailand dan sudah melawat wilayah itu.